

PERATURAN PERMAINAN LAWN BOWLS**1. Peraturan Teknikal****1.3 Undang - undang permainan**

- 1.1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut World Bowls dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) yang sedang berkuatkuasa dan akan diakui sepanjang masa kejohanan ini.
- 1.3.4 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.2 Perkara yang tidak dinyatakan

- 1.2.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan AM SUKIPT IV

2. Peraturan Pertandingan**2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan**

- 2.1.1 Acara (disiplin) yang akan dipertandingkan SUKIPT 2018 adalah seperti berikut:-

Kategori Lelaki

BIL	ACARA
1.	Singles
2.	Pairs
3.	Triples
4.	Fours

Kategori Wanita

BIL	ACARA
1.	Singles
2.	Pairs
3.	Triples
4.	Fours

- 2.3.4 Susunan pemain hendaklah mengikut aturan permainan di mana acara *Singles* akan bermain serentak dengan acara *Fours* manakala acara *Pairs* akan dijalankan serentak dengan acara *Triples*.

2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

- 2.2.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hanya pemain-pemain yang berdaftar di dalam sistem online sahaja dibenarkan untuk bermain.
- 2.2.2 Setiap pasukan mestilah mengandungi tidak kurang daripada lima (5) orang pemain dan seorang pemain simpanan.

- 2.2.3 Seorang pemain dibenarkan bermain untuk dua (2) acara sahaja
- 2.2.4 Borang Pendaftaran Atlet hendaklah dihantar 30 minit sebelum perlawanan pertama dijalankan.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Setiap perlawanan akan berlangsung sama ada mengikut **masa** atau hingga perolehan **ends** oleh mana-mana pemain/pasukan mengikut yang mana **TERDAHULU** seperti berikut:-

BIL	DISIPLIN	ENDS	MASA	PENGGUNAAN BOWLS
1	Singles	21 shots	1 jam 30 minit	4 bowls setiap pemain
2	Pairs	15 ends	1 jam 30 minit	4 bowls setiap pemain
3	Triples	15 ends	1 jam 30 minit	3 bowls setiap pemain
4	Fours	15 ends	1 jam 30 minit	2 bowls setiap pemain

- 2.3.2 Apabila hon dibunyikan bagi tempoh 1 jam 30 minit itu, end yang sedang berjalan akan dihabiskan jika jack telah digolek dengan sah.
- 2.3.3 Pengurus / Atlet hendaklah mendapatkan scorecard 15 minit sebelum perlawanan.
- 2.3.4 Tiada sebarang *trial end* sebelum pertandingan.
- 2.3.5 Tiada *dead end* dalam permainan.
- 2.3.6 Jika *jack* telah keluar dari *rink* ianya akan diletakkan pada point 'T'.
- 2.3.7 Untuk acara *Singles*, pemain dibenarkan melihat perubahan pada *Head* adalah selepas meleretkan bowls ketiga manakala untuk acara pasukan hanya *Skip* sahaja yang dibenarkan. Pemain-pemain yang lain tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.3.8 Pertukaran pemain boleh dibuat bagi pemain *Pairs*, *Triples* dan *Fours* sahaja. Pertukaran hanya boleh dibuat sebelum perlawanan sahaja dan bukan semasa perlawanan sedang berlangsung.
- 2.3.9 Bagi perlawanan peringkat kumpulan, perlawanan akan dijalankan secara liga.
- 2.3.10 Bagi perlawanan suku akhir, separuh akhir, penentuan ketiga / keempat dan akhir akan dijalankan secara kalah keluar.

2.3.11 Penentuan mata

MENANG	SERI	KALAH
2 Mata	1 Mata	0 Mata

- 2.3.12 Pemain / Pasukan yang memperolehi **mata yang paling banyak** adalah dianggap sebagai Johan Kumpulan.
- 2.3.13 Jika masih seri, pemain / pasukan yang memperolehi **perbezaan net shot (margin) yang terbanyak** akan dikira pemenang. *(Where points are equal, then the team with the greater Shots difference (Shots FOR minus Shots AGAINST) will be the higher placed team).*
- 2.3.14 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang **memperolehi shot yang terbanyak** akan dikira pemenang. *(If equality still exists the team scoring the most Shot in all matches played in that competition will be the higher placed).*
- 2.3.15 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang **memenangi antara kedua-duanya** akan dikira pemenang. *(If equality still exists, then the players / team who won between the two will be the winners).*
- 2.3.16 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang **memenangi end terbanyak** akan dikira pemenang.
- 2.3.17 Keputusan Johan Keseluruhan pasukan (**Penyertaan Penuh dari IPT**) akan ditentukan berdasarkan **jumlah kutipan pingat emas** yang terbanyak dari 4 disiplin lelaki dan 4 disiplin wanita.
- 2.3.18 Jika masih seri, **kutipan tertinggi pingat perak** akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 2.3.19 Jika masih seri, **kutipan pingat gangsa** akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 2.3.20 Jika masih seri, penentuan johan keseluruhan akan ditentukan melalui acara *Singles* di dalam perlawanan akhir.

2.4 Pakaian Pertandingan

- 2.4.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan.
- 2.4.2 Setiap peserta dikehendaki memakai baju yang berlengan pendek atau panjang dan berkolar. Baju *round neck* TIDAK dibenarkan sama sekali.
- 2.4.3 Setiap peserta dikehendaki memakai seluar panjang slack berwarna Putih / Krim / Beige bagi lelaki dan wanita.
- 2.4.4 Hanya kasut lawn bowls yang tidak bertumit dan bertapak licin sahaja yang boleh digunakan dan dipakai.

2.5 Kelewatan

2.5.1 Setiap perlawanan hendaklah dimulakan sebaik sahaja isyarat bermain diberikan oleh *umpires*.

2.5.2 Mana-mana perlawanan yang tidak dapat dijalankan setelah isyarat bermain diberikan, penalti skor akan dikenakan seperti berikut:-

2.5.2.1 Mana-mana pasukan yang lewat 5 minit akan memberi satu 1 *shot* kepada pihak lawan dan lima minit seterusnya sehinggalah melebihi 15 minit maka kemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan *shot* 7-0.

2.5.2.2 Jika permainan telah berlangsung lebih 1 jam atau 9 end dan berlaku gangguan cuaca, keputusan permainan akan diambil kira. Jika gangguan cuaca berlangsung dan perlawanan tidak melebihi 1 jam atau 9 end, perlawanan akan diberhentikan selama 30 minit dan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Lawn Bowls SUKPIT dan akan dimaklumkan 30 mint selepas diberhentikan.

2.5 Hadiah Kemenangan

2.5.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :-

Kategori Lelaki

BIL.	ACARA	PINGAT		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	Singles	1(1)	1(1)	1(1)
2.	Pairs	1(2)	1(2)	1(2)
3.	Triples	1(4)	1(4)	1(4)
4.	Fours	1(5)	1(5)	1(5)
5.	Berpasukan	1(6)	1(6)	1(6)
JUMLAH		5 (18)	5 (18)	5 (18)

Kategori Wanita

BIL.	ACARA	PINGAT		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	Singles	1(1)	1(1)	1(1)
2.	Pairs	1(2)	1(2)	1(2)
3.	Triples	1(4)	1(4)	1(4)
4.	Fours	1(5)	1(5)	1(5)
5.	Berpasukan	1(6)	1(6)	1(6)
JUMLAH		5 (18)	5 (18)	5 (18)

3. Ringkasan Penyertaan

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Individu dan Berpasukan	6	6	4	16